

usahawanmuda



Perniagaan Muhamad Syahiran buka peluang pekerjaan kepada pelajar UPM.



Gerai Muhamad Syahiran yang menjalankan perniagaan ayam gunting melalui jenama Eyrun's Fried Chicken.



Keadaan khemah terbang yang dihadapi Muhamad Syahiran menjadi satu daripada cabarannya ketika menjalankan perniagaan ayam gunting, Eyrun's Fried Chicken.

Buka rangkaian gerai ayam gunting

➔ Syahiran bercita-cita miliki ladang ayam, restoran makanan segera sendiri

Oleh Nas Norziela Nasbah
nasnorziela@bh.com.my

▀ Serdang

Minat menjalankan perniagaan sejak di bangku sekolah mendorong Muhamad Syahiran Hashim, 22, untuk tidak menoleh ke belakang dalam bidang itu biarpun masih bergelar seorang penuntut universiti awam (UA).

Penuntut jurusan Sar-

jana Muda Sains Perniagaan Tani Universiti Putra Malaysia (UPM) itu tidak pernah mengenal erti putus asa, malah sanggup berusaha mengumpul modal sendiri untuk memulakan perniagaan makanan ayam gunting.

"Saya sebenarnya sudah berniaga menjual kad tambah nilai prabayar sejak di sekolah menengah.

"Selepas tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), saya meneruskan perniagaan kecil-kecilan itu ketika di

universiti pula, selain mencari kerja sambilan bagi mengumpul modal untuk membuka sebuah gerai kecil," katanya.

Muhamad Syahiran atau mesra dengan panggilan Iran berkata, untuk menjalankan perniagaan, seseorang itu perlu tahu kehendak pembeli dengan mereka perlu mengutamakan apa yang mereka inginkan, bukannya kemahuan atau cita rasa sendiri.

Dugaan berniaga

"Dengan menggunakan konsep itu, saya menjual ayam gunting dengan menggunakan jenama sendiri, Eyrun's Fried Chicken.

"Alhamdulillah setakat

ini, saya berjaya membuka peluang pekerjaan kepada ramai pelajar UPM dengan dianggarkan sudah melebihi 100 orang," katanya yang berasal dari Kota Bharu, Kelantan.

Anak keempat daripada tujuh beradik itu mengakui tidak dapat lari daripada menghadapi masalah ketika berniaga, tetapi menganggapnya sebagai lumrah atau adat perniagaan.

"Saya juga tidak terlepas daripada dugaan apabila perlu mengharungi cabaran dari segi pengurusan pekerja, pengurusan kewangan dan menguruskan kedai.

"Antara cabaran biasa ialah khemah terbang dan patah. Kejadian itu adalah

normal bagi saya sebab sudah banyak kali terjadi," katanya yang turut membuka cawangan di Kota Bharu dengan menggunakan jenama yang sama.

Bijak bahagi masa

Dia turut mengakui cabaran paling besar terpaksa dihadapinya adalah perlu bijak membahagikan masa antara menjadi penuntut universiti dengan ahli perniagaan.

Padanya, jika seseorang itu minat sesuatu pekerjaan, mereka mesti berusaha mencari jalan untuk membahagi masa yang ada.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang membantu terutama kedua-dua ibu bapa

yang tidak putus mendoakan kejayaan saya dunia dan akhirat.

"Begitu juga kepada guru, pensyarah dan rakan-rakan yang banyak memberi sokongan untuk saya menjalankan perniagaan, selain membantu dalam hal akademik," katanya yang berhasrat membuka ladang ternakan ayam sendiri dan memiliki rangkaian restoran Eyrun's Fried Chicken di seluruh negara.

Gerai ayam gunting Eyrun's Fried Chicken beroperasi setiap hari bermula jam 6 petang sehingga 11 malam di tiga lokasi di UPM iaitu di Kolej 6, Kolej Muhammad Rashid Serumpun dan Kolej 17.